



KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH



KERATAN AKHBAR



KERATAN BERTARIKH: 17 DISEMBER 2024

HARI : SELASA

RUANGAN: NEGERI

HALAMAN: 26

99 Tabika Kemas terjejas banjir

KUALA NERUS - Sebanyak 99 Taman Bimbingan Kanak-kanak (Tabika) Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) terjejas dengan anggaran kerugian lebih RM1 juta akibat banjir baru-baru ini.

Pengarah Kemas Terengganu, Dr Faridah Mat berkata, Tabika terjejas melibatkan kira-kira 2,500 murid dan 300 kakitangan di Besut, Hulu Terengganu, Dungun, Setiu dan Kuala Nerus.

"Ada Tabika mengalami kerosakan teruk di bahagian bumbung akibat diterbangkan angin ribut.

"Hari ini kita memulakan gotong royong pasca banjir membersihkan dan membaiki kerosakan di Tabika Kemas Batu Rakit.

"Seramai 100 petugas dari lapan agensi Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) ditugaskan melakukan kerja pembersihan dan membaiki kerosakan tabika bagi membolehkan premis dapat beroperasi seperti biasa," katanya.

Beliau berkata demikian ketika Majlis Gotong Royong Skwad Ihsan Madani di

Tabika Kemas Batu Rakit pada Isnin.

Mengulas lanjut, Faridah berkata, laporan kerosakan sudah dihantar ke KKDW untuk penilaian lanjut dan proses pembaikan.

Dalam pada itu, Faridah berkata, buat masa sekarang sesi pembelajaran murid di Tabika Kemas yang terjejas masih diteruskan.

"Ada menumpang di Tabika berdekatan sekiranya kerosakan berlaku terlalu teruk.

"Sebagai contoh, seramai 22 murid Tabika Batu Rakit kini menumpang di Tabika Tanjung yang terletak enam kilometer, sekali gus keadaan itu agak menyukarkan ibu bapa menghantar mereka kerana kebanyakannya adalah nelayan yang menggunakan motosikal.

"Kita akan tengok sekiranya ada keperluan memindahkan lokasi Tabika ke lokasi lain yang lebih selamat daripada ancaman banjir dalam masa terdekat, kita akan segera melaksanakannya demi keselamatan semua pihak," ujarnya.



Faridah (kanan) membantu membersihkan Tabika Kemas Batu Rakit.